

D.R. 30/2012

**RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN TRADISIONAL
DAN KOMPLEMENTARI 2012**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Ketidapkakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

MAJLIS PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

4. Penubuhan Majlis
5. Fungsi dan kuasa Majlis
6. Keanggotaan Majlis
7. Pengosongan jawatan
8. Anggota silih ganti
9. Mesyuarat Majlis
10. Kuorum Mesyuarat Majlis
11. Pengundian
12. Tatacara Majlis
13. Kesahan tindakan dan prosiding
14. Penasihat
15. Elaun
16. Setiausaha Majlis dan pegawai lain
17. Perwakilan fungsi

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN AM

Fasal

18. Pendaftar
19. Daftar

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN
KOMPLEMENTARI

20. Bidang amalan diiktiraf
21. Pengamal boleh mengamal bidang amalan diiktiraf sahaja
22. Pendaftaran sementara
23. Pengamal berdaftar
24. Perakuan pengamalan sementara
25. Kesan tidak didaftarkan
26. Perakuan pengamalan pengamal berdaftar
27. Pembatalan pendaftaran
28. Pendaftaran semula

BAHAGIAN V

KEWAJIPAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGAMAL BERDAFTAR

29. Penggunaan gelaran dan singkatan
30. Kewajipan untuk merujuk pesakit kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian
31. Kewajipan untuk melaporkan wabak atau penularan penyakit setempat lain, dsb., kepada Pendaftar
32. Penggunaan peranti perubatan
33. Pengiklanan dan promosi
34. Pengamal berdaftar boleh diperbadan
35. Piawai amalan mandatori dalam kod tadbir urus dan kod amalan

BAHAGIAN VI

PROSIDING TATATERTIB

Fasal

36. Bidang kuasa tatatertib Majlis
37. Hukuman tatatertib
38. Rayuan terhadap perintah Majlis
39. Kemasukan semula nama dalam daftar

BAHAGIAN VII

HAK PESAKIT

40. Hak pesakit
41. Perkhidmatan penyelesaian pertikaian

BAHAGIAN VIII

BADAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

42. Penetapan dan pembatalan penetapan badan pengamal
43. Fungsi badan pengamal ditetapkan
44. Rangka pengawalseliaan sendiri apabila badan pengamal sudah bersedia
45. Pengawasan oleh Majlis
46. Kesan pembatalan penetapan
47. Penyediaan kod tadbir urus dan kod amalan

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN

48. Pegawai diberi kuasa
49. Kad kuasa
50. Kuasa untuk menyiasat
51. Perintah berhenti
52. Perintah penutupan
53. Memeriksa dan merampas dengan waran
54. Kuasa untuk memasuki premis
55. Kuasa untuk mengambil sampel

Fasal

56. Capaian kepada data berkomputer
57. Permulaan pendakwaan
58. Senarai dokumen, rekod, dsb., yang dirampas
59. Pelepasan dokumen, rekod, dsb., yang dirampas

BAHAGIAN X

AM

60. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
61. Penalti untuk perundangan subsidiari
62. Kesalahan oleh badan korporat

BAHAGIAN XI

PERUNTUKAN PERALIHAN

63. Peralihan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari bagi mengawal selia perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari di Malaysia dan bagi mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Ketidakpakaian

2. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] tidak boleh terpakai bagi amalan perubatan tradisional dan komplementari termasuk penggunaan mana-mana premis, bangunan atau kemudahan untuk amalan perubatan itu.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“amalan perubatan tradisional dan komplementari” ertinya suatu bentuk amalan yang berkaitan dengan kesihatan bertujuan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau sakit atau memelihara kesejahteraan fizikal dan mental individu dan termasuk amalan seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, homeopati, dan terapi komplementari, tetapi tidak termasuk amalan perubatan dan pergigian yang masing-masing digunakan oleh pengamal perubatan dan pengamal pergigian;

“badan pengamal ditetapkan” ertinya badan pengamal bidang amalan diiktiraf yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 42;

“bidang amalan” ertinya suatu bidang, lapangan, kepakaran atau perkara yang tertentu dalam amalan perubatan tradisional dan komplementari dan termasuk subbidang, sublapangan, subkepakaran atau subperkara;

“bidang amalan diiktiraf” ertinya bidang amalan yang diiktiraf oleh Menteri di bawah seksyen 20;

“ditetapkan”, jika tiada cara disebutkan, ertinya ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“Ketua Pengarah” dan “Timbalan Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, masing-masingnya;

“Majlis” ertinya Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“maklumat pesakit” ertinya data peribadi seseorang pesakit, seperti nama, umur, alamat, keadaan fizikal dan mental dan maklumat kewangan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 48;

“pengamal” ertinya pengamal perubatan tradisional dan komplementari;

“pengamal berdaftar” ertinya pengamal yang berdaftar di bawah seksyen 23;

“pengamal berdaftar sementara” ertinya seseorang yang telah didaftarkan secara sementara sebagai pengamal di bawah seksyen 22;

“pengamal perubatan” ertinya pengamal yang disebut dalam Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*];

“pengamal pergigian” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pergigian 1971 [*Akta 51*];

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Majlis yang dilantik di bawah subseksyen 6(2);

“pesakit” ertinya individu yang mengambil pengamal berdaftar untuk memberikan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari untuk kesejahteraan dirinya atau sebagai suatu rawatan apa-apa penyakit atau sakit;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis yang dilantik di bawah seksyen 16.

BAHAGIAN II

MAJLIS PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Penubuhan Majlis

4. Suatu majlis dinamakan “Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari” ditubuhkan bagi maksud Akta ini.

Fungsi dan kuasa Majlis

5. Majlis hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) menasihati Menteri mengenai perkara dasar negara yang berhubungan dengan amalan perubatan tradisional dan komplementari;
- (b) menetapkan kelayakan yang dikehendaki bagi setiap bidang amalan;
- (c) mengiktiraf apa-apa kelayakan yang diberikan oleh mana-mana institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dan dibenarkan oleh mana-mana negara di luar Malaysia, bagi maksud pendaftaran di bawah Akta ini;
- (d) menentukan kelayakan akademik yang sesuai atau perakuan kemahiran yang diiktiraf yang dikeluarkan menurut Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*] yang perlu sebelum seseorang boleh memohon untuk menjadi seorang pengamal berdaftar;
- (e) menentukan perantisan yang perlu dan latihan yang dikehendaki termasuk kaedah-kaedah untuk menjalani perantisan, skop tanggungjawab perantisan dan perjalanan atau aktiviti yang dibenarkan bagi perantisan, tempoh perantisan dan kelayakan perantisan lanjutan;
- (f) mendaftarkan individu yang menyediakan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari kepada orang ramai;
- (g) mengeluarkan perakuan amalan kepada pengamal berdaftar yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan telah membayar fi yang ditetapkan;
- (h) mengadakan kod tatakelakuan profesional, kaedah-kaedah yang berhubungan dengan tatakelakuan profesional pengamal berdaftar, termasuk penalti bagi pelanggaran kod atau kaedah-kaedah itu;
- (i) membangunkan, menjalankan, menetapkan dan memberi mandat bagi apa-apa perkara yang berkaitan atau berhubungan dengan amalan perubatan tradisional dan komplementari atau profesionalisme amalan itu;

- (j) menentukan, menyediakan dan mentadbir tatacara dan proses aduan;
- (k) mengadakan kaedah-kaedah yang berdasarkannya pengamal berdaftar merujuk pesakit mereka kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (l) mendapatkan maklumat yang berkaitan daripada pengamal, dan memberikan itu kepada Menteri;
- (m) menjalankan mana-mana fungsi yang ditentukan oleh Akta ini; dan
- (n) menjalankan segala aktiviti lain yang diarahkan oleh Menteri dan arahan itu hendaklah selaras dengan maksud Akta ini.

Keanggotaan Majlis

6. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri atas syor Ketua Pengarah:

- (a) tidak lebih daripada tiga wakil dari Kementerian Kesihatan;
- (b) dua wakil dari mana-mana universiti tempatan yang mempunyai kepakaran dalam bidang perubatan tradisional dan komplementari;
- (c) tidak lebih daripada tiga pengamal berdaftar dalam perkhidmatan awam;
- (d) tidak lebih daripada lapan individu dari amalan swasta yang mewakili badan pengamal perubatan tradisional dan komplementari yang ditetapkan di Malaysia; dan
- (e) lima individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang layak dalam industri yang berkaitan.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menjadi Pengerusi Majlis.

(3) Anggota Majlis hendaklah, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam surat cara pelantikannya, melainkan jika dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu, memegang jawatan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(4) Pelantikan mana-mana anggota Majlis boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Menteri jika orang itu didapati oleh Menteri tidak lagi layak dan sesuai setelah mengambil kira—

- (a) kejujurannya yang tidak diragui, kecekapannya dan kewibawaan pertimbangannya dalam memenuhi tanggungjawab sebagai anggota Majlis; atau
- (b) ketekunannya dalam memenuhi atau yang memungkinkannya memenuhi tanggungjawab sebagai anggota Majlis.

(5) Tiap-tiap anggota Majlis hendaklah menumpukan masa kepada urusan Majlis sebagaimana yang diperlukan untuk melaksanakan tugas secara berkesan.

(6) Anggota Majlis boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan dengan memberi notis bertulis kepada Menteri dan sesalinan notis itu kepada Majlis.

Pengosongan Jawatan

7. (1) Jawatan anggota Majlis menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih dari dua tahun;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipan-kewajibannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran daripada Pengerusi;

- (f) pelantikannya telah dibatalkan oleh Menteri; atau
- (g) peletakan jawatannya telah diterima oleh Menteri.

(2) Jika jawatan seorang anggota Majlis menjadi kosong menurut subseksyen (1), Menteri boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan sesuai olehnya untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh yang dikosongkan oleh anggota itu.

(3) Apa-apa tempoh pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (2) tidak boleh diambil kira dalam pengiraan tempoh pelantikan seorang anggota di bawah subseksyen 6(3).

Anggota silih ganti

8. (1) Menteri boleh melantik berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah subseksyen 6(1) seorang anggota silih ganti yang sama layak dengan anggota itu.

(2) Timbalan Ketua Pengarah yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari hendaklah menjadi Pengerusi silih ganti.

(3) Anggota silih ganti boleh menghadiri mesyuarat Majlis bagi menggantikan anggota apabila anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(4) Anggota silih ganti yang menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Majlis.

(5) Anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia melepaskan keanggotaannya terlebih dahulu atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti daripada menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang berkenaan dengannya menjadi anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Majlis.

Mesyuarat Majlis

9. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(2) Pengerusi silih ganti hendaklah mempengerusikan mesyuarat Majlis semasa ketiadaan Pengerusi.

(3) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun.

(4) Pengerusi boleh memanggil mesyuarat Majlis dari semasa ke semasa jika ada keperluan untuk berbuat demikian.

(5) Anggota Majlis boleh memanggil mesyuarat Majlis dengan menghantar suatu notis panggilan kepada Setiausaha mengikut subseksyen (6).

(6) Notis panggilan di bawah subseksyen (5) hendaklah mengandungi tandatangan sekurang-kurangnya tiga anggota Majlis dan hendaklah menyatakan perkara-perkara yang akan dibincangkan dan diputuskan oleh Majlis.

Kuorum mesyuarat Majlis

10. Kuorum semua mesyuarat Majlis hendaklah seramai sebelas anggota.

Pengundian

11. (1) Tiap-tiap anggota yang menghadiri mesyuarat Majlis hendaklah mempunyai satu undi.

(2) Jika mengenai apa-apa soalan yang akan ditentukan oleh Majlis terdapat persamaan undi, Pengerusi atau, jika beliau tidak hadir, Pengerusi silih ganti, hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(3) Segala perkara yang hendak diputuskan oleh Majlis hendaklah diputuskan dengan undi majoriti.

Tatacara Majlis

12. Majlis hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

Kesahan tindakan dan prosiding

13. Tiada tindakan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

- (a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan Majlis; atau
- (b) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit sesuatu kes.

Penasihat

14. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan perlu oleh Majlis sebagai penasihat bagi maksud menasihati Majlis dalam apa-apa perkara berkaitan dengan fungsi Majlis.

(2) Majlis boleh menjemput mana-mana penasihat atau mana-mana orang lain untuk menghadiri apa-apa mesyuarat atau pertimbangtelitian Majlis bagi maksud menasihatnya mengenai apa-apa perkara dalam perbincangan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak mempunyai hak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

Elaun

15. Anggota Majlis, penasihat dan mana-mana orang lain yang dijemput untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Majlis hendaklah dibayar elaun yang ditentukan oleh Menteri.

Setiausaha Majlis dan pegawai lain

16. (1) Menteri hendaklah menetapkan seorang pegawai awam, yang disyorkan oleh Ketua Pengarah, sebagai Setiausaha Majlis untuk membantu Majlis menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh menetapkan apa-apa bilangan pegawai awam lain, yang disyorkan oleh Ketua Pengarah, untuk membantu Setiausaha menjalankan fungsinya.

(3) Bagi maksud Akta ini, Setiausaha dan pegawai yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai pegawai Majlis.

Pewakilan fungsi

17. (1) Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan, mewakilkan mana-mana fungsinya sebagaimana yang sesuai secara bertulis kepada—

(a) mana-mana badan pengamal ditetapkan; atau

(b) mana-mana orang yang difikirkan layak oleh Majlis.

(2) Apa-apa fungsi yang diwakilkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Majlis.

(3) Majlis hendaklah merekodkan semua pewakilan fungsi, termasuk apa-apa pembatalan atau pindaan pewakilan, dalam suatu daftar.

(4) Majlis hendaklah menyediakan perkara tentang semua pewakilan yang dibuat untuk orang awam.

(5) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Majlis daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa fungsi yang diwakilkan sedemikian.

BAHAGIAN III

PENTADBIRAN AM

Pendaftar

18. (1) Bagi maksud Akta ini, Setiausaha Majlis hendaklah menjadi Pendaftar.

(2) Pendaftar hendaklah dibantu oleh apa-apa bilangan pegawai sebagaimana yang perlu bagi pelaksanaan fungsi dan tugasnya.

(3) Majlis boleh melantik seseorang untuk bertindak sebagai Pendaftar semasa Pendaftar tiada di Malaysia atau tidak berkeupayaan kerana sakit atau selainnya.

Daftar

19. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara apa-apa daftar sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta ini dalam kedua-dua bentuk fizikal dan elektronik.

(2) Mana-mana orang boleh, apabila membayar fi yang ditetapkan, memeriksa dan membuat salinan atau cabutan butiran dari mana-mana daftar.

(3) Jika seseorang meminta supaya suatu salinan diberikan melalui media elektronik, Pendaftar boleh memberi maklumat yang berkaitan selepas pembayaran fi yang ditetapkan—

(a) melalui alat pemprosesan data; atau

(b) melalui penghantaran elektronik.

(4) Daftar yang disenggara di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai suatu dokumen awam dalam pengertian Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Bidang amalan diiktiraf

20. (1) Majlis hendaklah, dari semasa ke semasa, mengenal pasti bidang amalan yang perlu dilaksanakan di Malaysia, dan hendaklah membuat syor kepada Menteri supaya bidang amalan itu ditetapkan sebagai bidang amalan diiktiraf.

(2) Menteri boleh, selepas mempertimbangkan syor Majlis, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan bidang amalan itu sebagai bidang amalan diiktiraf.

Pengamal boleh mengamal bidang amalan diiktiraf sahaja

21. (1) Tiada seorang pun boleh mengamal apa-apa bidang amalan yang bukan bidang amalan diiktiraf.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) berkenaannya dengan kesalahan pertama, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan untuk suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

(b) berkenaannya dengan kesalahan seterusnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan untuk suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendaftaran sementara

22. (1) Seseorang yang berhasrat untuk mengamal perubatan tradisional dan komplementari dalam mana-mana bidang amalan diiktiraf hendaklah memohon kepada Majlis untuk didaftarkan secara sementara sebagai pengamal dengan menghantar borang yang ditetapkan kepada Pendaftar dan hendaklah memenuhi apa-apa kelayakan yang ditentukan oleh Majlis bagi bidang amalan diiktiraf itu.

(2) Majlis boleh menolak untuk mendaftarkan secara sementara pemohon di bawah subseksyen (1).

(3) Jika Majlis menolak untuk mendaftarkan pemohon secara sementara, pemohon berkenaannya boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri dalam masa empat belas hari dari tarikh pemohon diberitahu tentang penolakan tersebut.

(4) Menteri hendaklah membuat keputusan dalam masa tujuh hari dari penerimaan rayuan dan keputusan Menteri adalah muktamad.

(5) Pengamal berdaftar sementara hendaklah menjalani kursus latihan selama tidak kurang daripada satu tahun dengan mana-mana hospital atau institusi di Malaysia yang diluluskan oleh Majlis untuk membolehkannya didaftarkan di bawah seksyen 23.

(6) Pengamal berdaftar sementara tertakluk kepada apa-apa sekatan dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Majlis.

(7) Majlis hendaklah mengeluarkan perakuan dalam borang yang ditetapkan kepada pengamal berdaftar sementara sebagai bukti pendaftaran.

(8) Majlis boleh melanjutkan kursus latihan seseorang pengamal berdaftar sementara tidak lebih daripada satu tahun jika Majlis tidak berpuas hati dengan prestasi pengamal itu.

(9) Majlis hendaklah membatalkan pendaftaran sementara seorang pengamal jika dia gagal untuk menyempurnakan tempoh kursus latihan di bawah subseksyen (5) atau pelanjutan tempoh di bawah subseksyen (8).

(10) Majlis boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis, mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan seksyen ini jika Majlis berpuas hati bahawa orang itu seorang pengamal dan mempunyai pengalaman yang luas, pengetahuan dan kemahiran yang layak dalam mana-mana bidang amalan diiktiraf.

(11) Mana-mana pengamal yang dikecualikan di bawah subseksyen (10) hendaklah diberikan suatu perakuan dalam borang yang ditetapkan sebagai bukti pengecualian.

Pengamal berdaftar

23. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), pengamal berdaftar sementara atau mana-mana pengamal yang dikecualikan di bawah subseksyen 22(10) yang berhasrat untuk mengamal perubatan tradisional dan komplementari dalam bidang amalan diiktiraf boleh memohon untuk didaftarkan dengan Majlis.

(2) Pengamal berdaftar sementara boleh memohon untuk didaftarkan dengan Majlis hanya selepas dia selesai menjalani tempoh kursus latihan di bawah seksyen 22.

(3) Pengamal boleh didaftarkan dalam satu bidang amalan diiktiraf atau lebih jika dia memenuhi kelayakan yang dikehendaki bagi bidang amalan itu dan telah membayar fi yang ditetapkan.

(4) Kriteria pendaftaran, kelayakan yang dikehendaki, jenis dan bidang lapangan dan tatacara pendaftaran adalah sebagaimana yang ditetapkan.

(5) Apabila pengamal telah berdaftar di bawah seksyen ini, Majlis hendaklah menyebabkan supaya suatu perakuan pendaftaran dikeluarkan kepadanya.

(6) Pengamal berdaftar hendaklah memberitahu Pendaftar alamat, gelaran, ciri dan sifat amalan terkini.

(7) Mana-mana orang yang permohonan pendaftarannya di bawah subseksyen (1) ditolak oleh Majlis boleh merayu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari selepas diberitahu mengenai penolakan itu.

Perakuan pengamalan sementara

24. (1) Walau apa pun yang berlawanan dalam Akta ini, Majlis boleh, atas permohonan secara bertulis, mendaftar untuk sementara seseorang yang didaftarkan sebagai pengamal di luar Malaysia, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan oleh Majlis patut dikenakan.

(2) Majlis hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pengamalan sementara kepada seseorang yang mendaftar untuk sementara di bawah subseksyen (1).

(3) Pemegang perakuan pengamalan sementara hendaklah, selagi perakuan itu masih berkuat kuasa dan tertakluk kepada sekatan dan syarat yang dinyatakan dalam perakuan itu, disifatkan sebagai pengamal berdaftar.

(4) Majlis boleh pada bila-bila masa membatalkan pendaftaran sementara seseorang di bawah seksyen ini dan perakuan pengamalan sementara yang telah dikeluarkan kepada orang itu hendaklah dengan itu luput.

Kesan tidak didaftarkan

25. (1) Seseorang yang bukan seorang pengamal berdaftar tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, mengamalkan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) berkenaan dengan kesalahan pertama, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

(b) berkenaan dengan kesalahan seterusnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada subseksyen (2), memerintahkan Majlis mencatatkan butir-butir orang itu dalam suatu daftar dan orang itu tidak boleh memohon untuk didaftarkan sehingga tamatnya tempoh dua tahun dari tarikh dia disabitkan.

Perakuan pengamalan pengamal berdaftar

26. (1) Pengamal berdaftar tidak boleh mengamal bidang amalan diiktiraf kecuali jika dia memegang perakuan pengamalan yang sah dan berkuat kuasa.

(2) Pengamal berdaftar hendaklah membuat permohonan perakuan pengamalan kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan dan membayar fi yang ditetapkan.

(3) Perakuan pengamalan hendaklah sah untuk tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh pengeluaran dan hendaklah mengandungi suatu nombor rujukan huruf-angka yang unik.

(4) Pendaftar hendaklah menyenggara suatu daftar pengamal berdaftar yang perakuan pengamalan telah dikeluarkan kepadanya.

(5) Segala preskripsi, laporan atau rujukan yang dihasilkan, dibuat dan dikeluarkan oleh pengamal berdaftar kepada seseorang pesakit atau mana-mana pihak ketiga sebagai wakil pesakit hendaklah mengandungi tandatangan pengamal berdaftar itu dan nombor pendaftaran perakuan pengamalannya.

(6) Permohonan pembaharuan perakuan pengamalan tahunan hendaklah dibuat kepada Pendaftar tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh luputnya dalam borang yang ditetapkan dan dengan membayar fi yang ditetapkan.

(7) Semua perakuan pengamalan hendaklah dipamerkan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan di tempat pengamal berdaftar mengamal.

Pembatalan pendaftaran

27. (1) Selain pembatalan pendaftaran seseorang pengamal berdaftar di bawah seksyen 37 berikutan prosiding tatatertib terhadapnya, Majlis boleh membatalkan pendaftaran seseorang pengamal berdaftar jika—

- (a) pengamal berdaftar itu disabitkan di Malaysia atau di tempat lain atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda);
- (b) pengamal berdaftar itu menyebabkan kelayakannya ditarik balik atau dibatalkan oleh pihak berkuasa penganugerah yang melaluinya kelayakan itu diperoleh atau yang daripadanya kelayakan itu dianugerah; atau
- (c) pengamal berdaftar itu diisytiharkan oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa sebagai tidak sihat dari segi mental atau didapati oleh Majlis tidak berupaya dari segi mental atau fizikal untuk mengamal.

(2) Sebelum membatalkan pendaftaran seseorang pengamal berdaftar, Majlis hendaklah—

- (a) memberitahu pengamal berdaftar itu, melalui notis bertulis, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan akan hasrat untuk membatalkan pendaftarannya;
- (b) menyatakan alasan keputusan untuk membatalkan pendaftaran itu; dan
- (c) memberitahu pengamal berdaftar itu bahawa dia berhak membuat penghujahan bertulis kepada Majlis dalam masa yang ditetapkan yang tidak boleh kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh pengamal itu berdaftar menerima notis yang dikeluarkan menurut perenggan (a).

(3) Mana-mana pengamal berdaftar yang terjejas boleh, dalam masa yang ditentukan dalam notis itu, mengemukakan kepada Majlis penghujahan bertulis dan Majlis hendaklah mempertimbangkan penghujahan bertulis itu sebelum membuat keputusan.

(4) Keputusan Majlis hendaklah menyatakan alasan pembatalan pendaftaran termasuk bila masanya pengamal berdaftar yang terjejas boleh memohon untuk didaftarkan semula.

(5) Keputusan untuk membatalkan pendaftaran hendaklah direkodkan dalam daftar dan hendaklah menyatakan nama pengamal yang pendaftarannya dibatalkan, tempat perniagaannya dan bidang amalan diiktiraf yang berkenaan dengannya pendaftaran untuk mengamal dibatalkan.

(6) Mana-mana pengamal berdaftar yang terkilan dengan keputusan Majlis membatalkan pendaftarannya boleh merayu kepada Menteri mengikut peraturan-peraturan.

(7) Majlis boleh, sementara rayuan kepada Menteri belum selesai, mengarahkan pengamal berdaftar itu supaya menghentikan pengamalan bidang amalan diiktiraf sehingga rayuan diselesaikan oleh Menteri.

(8) Selepas mempertimbangkan rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (6), Menteri boleh mengesahkan, mengetepikan atau mengubah keputusan yang dirayu dalam masa tidak lebih daripada empat belas hari dari penerimaan rayuan, dan keputusan Menteri adalah muktamad.

(9) Mana-mana pengamal berdaftar yang pendaftarannya dibatalkan tidak lagi dibenarkan mengamal bidang amalan diiktiraf atau apa-apa bidang amalan lain sehingga dia didaftarkan semula.

Pendaftaran semula

28. (1) Pengamal berdaftar yang pendaftarannya dibatalkan di bawah seksyen 27 boleh memohon kepada Majlis untuk didaftarkan semula selepas luputnya tiga puluh enam bulan atau apa-apa tempoh lain yang dinyatakan dalam alasan dan keputusan pembatalan itu.

(2) Majlis boleh mendaftarkan semula orang di bawah subseksyen (1) jika Majlis berpuas hati bahawa alasan dan keputusan pembatalan pendaftaran yang dibuat di bawah seksyen 27 tidak mungkin berulang atau orang itu kini memenuhi keperluan pendaftaran.

(3) Apabila didaftarkan semula, apa-apa perintah berhenti yang dibuat di bawah seksyen 51 hendaklah dibatalkan, dan pembatalan itu dan tarikh kuat kuasa pembatalan itu hendaklah direkodkan dalam daftar.

BAHAGIAN V

KEWAJIPAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGAMAL BERDAFTAR

Penggunaan gelaran dan singkatan

29. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), pengamal berdaftar boleh menggunakan apa-apa gelaran atau singkatan untuk menunjukkan kelayakan atau kedudukannya.

(2) Apa-apa gelaran atau singkatan, yang digunakan oleh pengamal berdaftar, melainkan jika pengamal berdaftar itu juga seorang pengamal perubatan atau pengamal pergigian, tidak boleh menyebabkan orang ramai mempercayai bahawa pengamal berdaftar itu berkelayakan untuk mengamal perubatan atau menjalankan pembedahan di bawah Akta Perubatan 1971 atau menjalankan amalan pergigian di bawah Akta Pergigian 1971.

(3) Majlis hendaklah menentukan dan menyiarkan suatu senarai gelaran dan singkatan yang dilarang melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(4) Pengamal berdaftar tidak boleh menggunakan apa-apa gelaran atau singkatan yang dilarang oleh Majlis di bawah subseksyen (3).

(5) Jika seseorang pengamal berdaftar didapati menggunakan apa-apa gelaran atau singkatan yang dilarang yang ditentukan di bawah subseksyen (3), Majlis boleh meletakkan pengamal itu dalam suatu daftar senarai pemerhatian.

(6) Jika dalam masa dua puluh empat bulan seseorang pengamal diletakkan dalam daftar senarai pemerhatian, pengamal itu menggunakan suatu gelaran atau singkatan yang dilarang, Majlis hendaklah membatalkan pendaftaran pengamal itu.

Kewajipan untuk merujuk pesakit kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian

30. (1) Pengamal berdaftar hendaklah merujuk pesakitnya kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian jika pesakit itu mengalami suatu kecemasan perubatan yang akut atau jika penyakit atau keadaan pesakit itu di luar kemahiran, kelayakan atau kepakaran pengamal berdaftar itu.

(2) Kecemasan perubatan yang akut ialah suatu keadaan kesihatan yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan mencemaskan, yang memerlukan penilaian perubatan atau pembedahan atau rawatan untuk melegakan akut, sakit dan penderitaan pesakit.

(3) Pengamal berdaftar hendaklah menerangkan secara jelas dan dengan berhati-hati dan menasihatkan pesakit atau penjaga atau wakil pesakit mengenai kewajipan untuk merujuk pesakit kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian bagi membolehkan pesakit atau penjaga atau wakil pesakit menggunakan maklumat itu untuk membuat keputusan sama ada menolak untuk dirujuk atau tidak.

(4) Walau apapun subseksyen (1), jika pesakit atau penjaga atau wakil pesakit, melalui notis bertulis, bersetuju seperti yang sepatutnya untuk tidak dirujuk, pengamal tidak diwajibkan untuk merujuk pesakit kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian.

(5) Jika seseorang pengamal berdaftar melanggar subseksyen (1) Majlis boleh—

(a) mengenakan perintah berhenti menurut seksyen 51; atau

(b) membatalkan pendaftaran pengamal itu.

Kewajipan untuk melaporkan wabak atau penularan penyakit setempat lain, dsb., kepada Pendaftar

31. (1) Sebagai tambahan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], semua pengamal berdaftar hendaklah, menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan, melaporkan kepada Pendaftar tentang apa-apa kejadian wabak atau penularan penyakit setempat lain, atau penyakit berjangkit atau apa-apa penyakit lain, masalah kesihatan awam atau apa-apa kesan buruk yang dialami oleh pesakit disebabkan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari.

(2) Jika seseorang pengamal berdaftar melanggar subseksyen (1), Majlis boleh—

(a) mengenakan perintah berhenti menurut seksyen 51; atau

(b) membatalkan pendaftaran pengamal itu.

Penggunaan peranti perubatan

32. Penggunaan peranti perubatan oleh pengamal berdaftar adalah tertakluk kepada peranti perubatan itu mematuhi Akta Peranti Perubatan 2012 [*Akta 737*].

Pengiklanan dan promosi

33. (1) Pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu tidak boleh membuat apa-apa pernyataan palsu dalam apa-apa iklan, jurnal, artikel, risalah, laman web atau media komersil berkenaan dengan khasiat penyembuhan, perubatan atau kesihatan apa-apa perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari yang disediakan oleh pengamal berdaftar.

(2) Pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu tidak boleh membuat apa-apa pernyataan palsu atau yang mengelirukan berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari dengan tujuan untuk mendorong, mempengaruhi atau menyebabkan seseorang pesakit membuat kontrak untuk membeli perkhidmatan itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) berkenaan dengan kesalahan pertama, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) berkenaan dengan kesalahan yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “pernyataan mengelirukan” ertinya apa-apa perbuatan yang berkemungkinan mengelirukan orang ramai—

- (a) tentang sifat, ciri-ciri, kesesuaian bagi tujuan, atau kuantiti, perkhidmatan yang diberikan;
- (b) bahawa perkhidmatan yang diberikan adalah dari jenis standard, kualiti atau kuantiti tertentu;
- (c) dengan mengiklankan bahawa perkhidmatan yang disediakan adalah bagi penyakit-penyakit tertentu yang disenaraikan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [*Akta 290*];
- (d) bahawa perkhidmatan diberikan oleh mana-mana orang tertentu atau oleh mana-mana orang dengan kebolehan, kelayakan atau kemahiran tertentu; atau
- (e) tentang harga bagi perkhidmatan yang diberikan.

Pengamal berdaftar boleh diperbadan

34. (1) Pengamal berdaftar boleh memperbadan amalannya menjadi syarikat liabiliti terhad, mengamal sebagai syarikat atau menjadi ahli perkongsian, bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari.

(2) Pengamal yang memperbadan amalannya menjadi syarikat liabiliti terhad, mengamal sebagai syarikat atau menjadi ahli suatu perkongsian menurut subseksyen (1) hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan, memberitahu Pendaftar mengenai status amalannya di sisi undang-undang.

Piawai amalan mandatori dalam kod tadbir urus dan kod amalan

35. (1) Majlis hendaklah menetapkan piawai amalan mandatori, bagi maksud kod tadbir urus dan kod amalan yang hendaklah dipatuhi oleh pengamal berdaftar.

(2) Pengamal berdaftar hendaklah mematuhi piawai amalan mandatori dalam kod tadbir urus dan kod amalan.

(3) Ketidakpatuhan terhadap piawai amalan mandatori dalam kod tadbir urus dan kod amalan boleh menyebabkan pengamal berdaftar dikenakan tindakan tatatertib dan pembatalan pendaftaran pengamal berdaftar.

(4) Sebelum menentukan piawai amalan mandatori, Majlis hendaklah menjalankan perundingan awam mengenai skop piawai amalan mandatori.

(5) Perundingan awam itu hendaklah menyatakan pandangan Majlis berkenaan dengan piawai amalan mandatori dan memperuntukkan masa tidak kurang daripada empat puluh lima hari untuk pihak yang berminat mengemukakan maklum balas bertulis kepada Majlis.

(6) Pada penutup proses perundingan awam, Majlis hendaklah menyebabkan supaya disiarkan laporan perundingan awam itu dan draf piawai amalan mandatori yang diluluskan.

(7) Segala piawai amalan mandatori hendaklah disiarkan dan dicatat dalam daftar.

(8) Segala piawai amalan mandatori boleh diubah, dipinda, diubah suai atau dibatalkan oleh Majlis dan apa-apa ubahan, pindaan, ubah suaian atau pembatalan hendaklah disiarkan dan dicatat dalam daftar.

(9) Majlis hendaklah, sebelum apa-apa ubahan, pindaan, ubah suaian atau pembatalan piawai amalan mandatori berkuat kuasa, menjalankan perundingan awam berkenaan dengan ubahan, pindaan, ubah suaian atau pembatalan itu melainkan jika ubahan, pindaan, ubah suaian atau pembatalan itu disebabkan oleh kesilapan menaip atau tatabahasa sahaja.

(10) Keseluruhan atau sebahagian kod tadbir urus dan amalan adalah tidak sah setakat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara kod dengan piawai amalan mandatori.

BAHAGIAN VI

PROSIDING TATATERTIB

Bidang kuasa tatatertib Majlis

36. (1) Majlis hendaklah mempunyai bidang kuasa tatatertib ke atas semua pengamal di bawah Akta ini.

(2) Majlis boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas mana-mana pengamal berdaftar yang—

- (a) telah berkelakuan sedemikian cara sehingga menyebabkan profesyennya mendapat nama buruk;
- (b) tidak mematuhi piawai amalan mandatori yang terkandung dalam kod tadbir urus dan kod amalan yang diperuntukkan dalam seksyen 47;
- (c) dikatakan telah melakukan salah laku profesional yang serius sebagaimana yang ditetapkan dalam tatakelakuan profesional dan mana-mana garis panduan dan arahan lain yang seumpamanya yang dikeluarkan oleh Majlis;
- (d) telah mendapatkan pendaftaran dengan melalui fraud atau salah nyataan;
- (e) tidak layak didaftarkan pada masa dia didaftarkan; atau
- (f) tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini, atau perundangan subsidiari yang dibuat atau syarat yang dikenakan di bawah Akta ini.

(3) Majlis hendaklah mengadakan suatu mekanisme, termasuk menubuhkan pihak berkuasa tatatertib untuk menyiasat aduan atau maklumat yang diterima terhadap seseorang pengamal berdaftar.

Hukuman Tatatertib

37. (1) Majlis boleh, pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, mengenakan mana-mana hukuman yang berikut:

- (a) mencela pengamal berdaftar berkenaan;
- (b) memerintahkan supaya pendaftaran pengamal berdaftar berkenaan dijadikan tertakluk kepada syarat termasuk, tetapi tidak terhad kepada, satu daripada yang berikut atau lebih:
 - (i) apa-apa syarat yang berhubungan dengan bidang amalan pengamal berdaftar berkenaan yang difikirkan sesuai oleh Majlis dikenakan ke atas pendaftaran pengamal berdaftar berkenaan;
 - (ii) supaya pengamal berdaftar menjalani kursus atau pembelajaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis; atau
 - (iii) supaya pengamal berdaftar berkenaan melaporkan mengenai bidang amalannya kepada mana-mana pengamal berdaftar atau orang yang ditetapkan oleh Majlis;
- (c) memerintahkan supaya nama pengamal berdaftar berkenaan digantung daripada daftar bagi apa-apa tempoh yang difikirkan patut oleh Majlis; atau
- (d) membuat apa-apa perintah dalam perenggan (c) tetapi menanggukuhkan pelaksanaannya, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Majlis, bagi suatu tempoh, yang agregatnya, tidak melebihi dua tahun;
- (e) memerintahkan supaya nama pengamal berdaftar berkenaan dipotong daripada daftar.

(2) Tiada seorang pun pengamal berdaftar boleh mengamal sebagai pengamal berdaftar semasa tempoh penggantungan di bawah perenggan (1)(c).

(3) Majlis boleh mengenakan denda sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis sebagai tambahan kepada hukuman di bawah subseksyen (1).

(4) Mana-mana pengamal berdaftar yang tidak mematuhi apa-apa syarat tambahan yang dikenakan di bawah perenggan (1)(b) atau meneruskan amalan dalam tempoh penggantungan di bawah perenggan (1)(c), atau tidak membayar denda yang dikenakan di bawah subseksyen (3) adalah tertakluk kepada prosiding tatatertib selanjutnya.

(5) Apa-apa prosiding tatatertib selanjutnya di bawah subseksyen (4) berhubung dengan denda yang dikenakan di bawah subseksyen (3) yang tidak dibayar tidak menyentuh hak Majlis untuk menuntut denda itu sebagai hutang sivil.

(6) Majlis boleh, dalam mana-mana hal, membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut oleh Majlis berkaitan dengan pembayaran kos kepada Pendaftar dan mana-mana pengadu atau seseorang pengamal berdaftar, dan apa-apa kos yang diawardkan boleh dituntut sebagai hutang sivil.

Rayuan terhadap perintah Majlis

38. (1) Mana-mana pengamal berdaftar yang terkilan dengan mana-mana perintah yang dibuat berkenaan dengannya oleh Majlis pada menjalankan bidang kuasa tatatertib Majlis, boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Tinggi boleh selepas itu mengesahkan, mengakas atau mengubah perintah yang dirayui itu atau boleh memberi apa-apa arahan dalam perkara itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah Tinggi; kos rayuan itu hendaklah mengikut budi bicara Mahkamah Tinggi.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), amalan berhubung dengan apa-apa rayuan sedemikian hendaklah tertakluk kepada kaedah-kaedah mahkamah yang terpakai bagi Mahkamah Tinggi.

(3) Mahkamah Tinggi tidak mempunyai kuasa untuk mendengar apa-apa rayuan terhadap perintah yang dibuat di bawah seksyen 37 melainkan jika notis rayuan itu diberikan dalam tempoh satu bulan dari penyampaian perintah itu mengikut cara yang ditetapkan.

Kemasukan semula nama dalam daftar

39. (1) Tiada seorang pun pengamal berdaftar yang namanya telah dipotong dari daftar di bawah peruntukan perenggan 37(1)(e) selepas itu berhak didaftarkan sebagai seorang pengamal di bawah Akta ini, tetapi Majlis boleh, jika difikirkan patut oleh Majlis dalam hal apa-apa untuk berbuat demikian, atas permohonan orang yang berkenaan, memerintahkan supaya nama orang itu dimasukkan semula ke dalam daftar.

(2) Mana-mana pengamal berdaftar yang namanya telah digantung dari daftar di bawah perenggan 37(1)(d) apabila tamat tempoh penggantungan itu, tetapi tidak lebih awal, berhak untuk memohon perakuan pendaftarannya (jika tempoh yang baginya perakuan itu dikeluarkan masih belum tamat) dikembalikan kepadanya.

(3) Permohonan di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara atau menggunakan borang dan disertakan dengan dokumen-dokumen, butir-butir dan fi yang ditetapkan.

BAHAGIAN VII**HAK PESAKIT****Hak pesakit**

40. (1) Segala maklumat pesakit, secara langsung atau tidak langsung, yang diberikan kepada atau diperolehi oleh pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu, hendaklah—

(a) dipelihara kerahsiaannya; dan

(b) tidak didedahkan kepada mana-mana pihak lain melainkan dengan kebenaran terdahulu pesakit, atau dengan suatu perintah mahkamah.

(2) Pengamal berdaftar hendaklah memberitahu dan memaklumkan kepada pesakit dengan sewajarnya, apa-apa kesan yang memudaratkan, yang tidak selamat atau kesan lain yang boleh disebabkan oleh perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari, apabila diambil sendiri atau apabila dicampur dengan ubat-ubatan lain, sebelum membekalkan atau mempreskripsikan pesakit dengan perkhidmatan itu dan hendaklah menyenggara suatu rekod apa-apa pemberitahuan dan makluman itu.

(3) Jika apa-apa perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari diberikan, dibekalkan atau digantikan menurut perenggan (4)(a) oleh seseorang pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji seseorang pengamal untuk seseorang pesakit, maka hendaklah ada syarat-syarat atau jaminan tersirat yang berikut:

- (a) syarat tersirat bahawa perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari itu bebas daripada apa-apa sebatian atau bahan yang menyalahi undang-undang yang tidak didedahkan atau yang rosak;
- (b) syarat tersirat bahawa perubatan tradisional dan komplementari itu adalah selamat untuk dimakan atau digunakan oleh manusia dan bahawa tiada kesan atau akibat yang tidak diketahui;
- (c) jaminan tersirat bahawa perubatan tradisional dan komplementari itu adalah sesuai bagi maksud tertentu yang baginya bekalan dari jenis dan sifat yang berkenaan dibekalkan kecuali jika pesakit tidak percaya dengan kemahiran atau pertimbangan pengamal atau adalah tidak munasabah untuk mempercayainya;
- (d) jaminan tersirat bahawa pengamal berdaftar mempunyai kelayakan yang sesuai, berpengalaman dan dilatih secukupnya bagi memberikan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari;
- (e) jaminan tersirat bahawa perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari akan dijalankan dengan ketelitian dan kemahiran yang munasabah;
- (f) jaminan tersirat bahawa perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari yang terhasil daripada perkhidmatan yang dibekalkan itu adalah semunasabahnya sesuai bagi apa-apa maksud tertentu dan adalah dari jenis dan kualiti yang boleh dijangkakan secara munasabah dapat mencapai hasil atau kesan yang tertentu sebagaimana yang dinasihatkan oleh pengamal berdaftar kepada pesakit itu; dan
- (g) jaminan tersirat bahawa pesakit boleh semunasabahnya percaya dengan kemahiran dan keputusan pengamal, melainkan jika hal keadaan menunjukkan sebaliknya.

(4) Jika mana-mana pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal berdaftar tidak mematuhi syarat atau jaminan tersirat di bawah subseksyen (3), pesakit berhak menuntut hak yang berikut:

- (a) membatalkan kontrak dengan pengamal berdaftar itu atau orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu, tanpa apa-apa liabiliti;
- (b) memperoleh daripada pengamal berdaftar itu dan orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu, ganti rugi untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami; atau
- (c) memperoleh suatu bayaran balik segala wang yang dibayar oleh pesakit kepada pengamal berdaftar itu dan orang yang mengambil kerja atau menggaji pengamal itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Subseksyen (1), (2), (3) dan (4) hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa yang bertentangan dalam apa-apa perjanjian.

(6) Jika seseorang pengamal berdaftar diambil kerja atau digaji oleh mana-mana orang, orang itu hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dengan pengamal itu bagi apa-apa kegagalan untuk mematuhi subseksyen (1), (2), (3) dan (4) dan ia tidak boleh dijadikan sebagai pembelaan oleh orang itu bahawa kegagalan pengamal berdaftar itu untuk mematuhi Subseksyen (1), (2), (3) dan (4) adalah tindakan pengamal itu secara bersendirian.

Perkhidmatan penyelesaian pertikaian

41. (1) Majlis boleh menyelesaikan atau melantik suatu jawatankuasa untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul atau berkaitan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan seksyen 40 antara seseorang pesakit dengan seseorang pengamal berdaftar.

(2) Majlis hendaklah menentukan tatacara dan garis panduan bagi pengurusan dan prosiding perkhidmatan penyelesaian pertikaian.

(3) Segala keputusan yang dibuat menurut prosiding penyelesaian pertikaian terhadap seseorang pesakit atau seseorang pengamal berdaftar hendaklah dicatat dalam suatu daftar.

(4) Keputusan yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah dipatuhi oleh pesakit dan pengamal berdaftar.

(5) Mana-mana pesakit atau pengamal berdaftar yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Majlis atau jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis di bawah subseksyen (1) boleh memohon kepada mahkamah untuk mengkaji semula keputusan itu.

BAHAGIAN VIII

BADAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Penetapan dan pembatalan penetapan badan pengamal

42. (1) Menteri boleh, atas syor Majlis dan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu badan pengamal bagi suatu bidang amalan diiktiraf bagi melaksanakan fungsi yang diwakilkan di bawah subseksyen (17)(1) dan fungsi lain dalam Akta ini.

(2) Menteri boleh, atas syor Majlis dan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan penetapan di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati bahawa badan pengamal ditetapkan tidak lagi berupaya melaksanakan fungsinya atau memenuhi keperluan di bawah Akta ini.

(3) Apabila pembatalan dibuat di bawah subseksyen (2), Menteri boleh, atas syor Majlis, menetapkan badan pengamal yang lain untuk menjadi badan pengamal ditetapkan atau mengarahkan Majlis membuat sedemikian.

Fungsi badan pengamal ditetapkan

43. (1) Majlis boleh mewakilkan mana-mana fungsinya kepada badan pengamal ditetapkan.

(2) Majlis boleh mengatasi apa-apa keputusan badan pengamal ditetapkan yang berhubungan dengan penjalanan fungsi yang diwakilkan.

(3) Majlis boleh meminta apa-apa maklumat yang berkaitan daripada badan pengamal ditetapkan dan maklumat itu hendaklah diberikan dalam masa yang dinyatakan dalam permintaan itu.

(4) Apa-apa tindakan yang diambil atau dibuat oleh badan pengamal ditetapkan menurut mana-mana perintah atau arahan Majlis dalam melaksanakan fungsi yang diwakilinya tidak boleh terbatal disebabkan apa-apa ketidakselarasan dengan apa-apa keputusan Majlis yang dibuat terdahulu.

(5) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan perintah dan arahan kepada badan pengamal ditetapkan berkenaan dengan pelaksanaan fungsi yang diwakilkan oleh Majlis.

Rangka pengawalseliaan sendiri apabila badan pengamal sudah bersedia

44. (1) Majlis boleh, jika pengamal sesuatu bidang amalan diiktiraf boleh ditadbir dengan lebih baik, lebih cekap dan lebih berkesan oleh badan pengamal mereka sendiri, menentukan bahawa badan pengamal ditetapkan itu hendaklah menjadi badan pentadbir bidang amalan itu.

(2) Penentuan oleh Majlis di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan tarikh kuat kuasa bila badan pengamal ditetapkan itu akan mengambil alih peranan pengawalseliaan Majlis.

(3) Segala penentuan oleh Majlis di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam suatu daftar.

(4) Badan pengamal ditetapkan hendaklah menjalankan, membuat dan melaksanakan fungsi yang berikut:

- (a) membuat syor kepada Majlis mengenai kelayakan akademik yang sesuai atau sijil yang dikeluarkan menurut Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 yang diperlukan oleh seseorang individu untuk melayakkannya memohon menjadi pengamal berdaftar bidang amalan yang diiktiraf;
- (b) mendisiplinkan pengamal yang melanggar kaedah-kaedah badan pengamal ditetapkan atau peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (c) mengenal pasti apa-apa rancangan pembangunan yang berterusan untuk pengamal yang ditawarkan oleh institusi, badan atau individu dalam atau di luar Malaysia;

- (d) tertakluk kepada seksyen 33, membangunkan garis panduan tindakan pemasaran, pengiklanan dan promosi, yang sepatutnya, termasuklah tetapi tidak terhad kepada latihan bagi kakitangan untuk pemasaran pelbagai tingkat yang disertai oleh ahli-ahlinya;
- (e) membangunkan dan mengendalikan atau menyebabkan supaya dijalankan latihan yang sesuai dan program pembangunan profesional yang berterusan;
- (f) membangunkan garis panduan untuk membantu pengamal merujuk pesakit mereka kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (g) membangunkan dan menetapkan apa-apa perkara yang berhubungan atau berkaitan dengan pengamalan bidang amalan diiktiraf atau profesionalisme pengamalan itu; dan
- (h) membangunkan, menetapkan dan memberi mandat kepada kaedah-kaedah dan kehendak-kehendak yang sesuai atau perlu bagi memastikan pematuhan kepada kehendak Akta ini, termasuk kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang berhubungan dengan kelakuan pengamal, penyimpanan rekod dan penyenggaraan kerahsiaan maklumat pesakit.

Pengawasan oleh Majlis

45. Majlis hendaklah mengawasi badan pengamal ditetapkan dan boleh memberi arahan kepada badan pengamal ditetapkan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan amalan bidang amalan diiktiraf.

Kesan pembatalan penetapan

46. (1) Jika Menteri membatalkan penetapan sesuatu badan pengamal mengikut subseksyen 42(2), badan pengamal itu hendaklah—

- (a) menghantar segala rekod dan daftarnya kepada Majlis;
- (b) dengan segera berhenti menjalankan dan melaksanakan segala fungsi pengawalseliaan dan pengawasan;

(c) memberitahu semua pihak, termasuk organisasi antarabangsa bahawa badan pengamal yang berkenaan terhenti menjadi badan pengawalseliaan bidang amalan yang berkenaan; dan

(d) mematuhi apa-apa terma yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Jika badan pengamal yang penetapannya dibatalkan tidak mematuhi kehendak yang ditentukan di bawah subseksyen (1), badan pengamal itu—

(a) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau pemegang jawatan utamanya dipenjarakan untuk suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

(b) boleh dirampas rekod dan daftarnya oleh pegawai diberi kuasa,

dan Pendaftar boleh memaklumkan semua pihak termasuk organisasi antarabangsa bahawa badan pengamal yang berkenaan terhenti menjadi badan pengawalseliaan bidang amalan yang berkenaan.

Penyediaan kod tadbir urus dan kod amalan

47. (1) Majlis boleh mengarahkan badan pengamal ditetapkan untuk menyediakan kod tadbir urus dan kod amalan berdasarkan piawai amalan mandatori yang ditetapkan oleh Majlis di bawah seksyen 35.

(2) Badan pengamal ditetapkan yang diarahkan oleh Majlis untuk menyediakan kod tadbir urus dan kod amalan hendaklah menyediakannya dalam masa yang ditentukan.

(3) Kod tadbir urus dan kod amalan yang disediakan oleh badan pengamal ditetapkan hendaklah diluluskan dan dicatatkan oleh Majlis ke dalam daftar.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), Majlis boleh menyediakan sendiri kod tadbir urus dan kod amalan berdasarkan piawai amalan mandatori yang disediakan oleh Majlis jika—

(a) badan pengamal ditetapkan berkemungkinan tidak dapat menyediakan kod tadbir urus dan kod amalan atau sebahagian daripadanya, dalam masa yang munasabah;

- (b) Majlis berpuas hati bahawa apa-apa hal perkara kod tadbir urus dan kod amalan itu telah gagal dan akan terus gagal, untuk melaksanakan maksud Akta ini atau dasar yang berkaitan di peringkat negara; atau
- (c) Menteri mengarahkan Majlis berbuat demikian.

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN

Pegawai diberi kuasa

48. (1) Menteri boleh, secara bertulis, memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kesihatan perubatan, pegawai kesihatan persekitaran dari Kementerian Kesihatan dan mana-mana pihak berkuasa tempatan, mana-mana pegawai awam dan orang berkelayakan yang sesuai untuk melaksanakan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini

(2) Mana-mana pegawai diberi kuasa sedemikian hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kad kuasa

49. (1) Majlis hendaklah mengeluarkan kad kuasa yang ditandatangani oleh Pengerusi kepada setiap pegawai awam yang diberi kuasa.

(2) Pada bila-bila masa pegawai diberi kuasa melaksanakan apa-apa kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah, atas permintaan, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu hendak dilaksanakan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

Kuasa untuk menyiasat

50. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menyiasat apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini.

(2) Untuk mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa bagi maksud Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai semua atau mana-mana kuasa seorang pegawai polis apa-apa jua pangkat berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], dan semua kuasa adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan tidak mengurangkan kuasanya.

Perintah berhenti

51. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, atas tindakannya sendiri atau apabila menerima aduan bertulis atau atas permohonan oleh Setiausaha, mengeluarkan suatu perintah meminta seseorang pengamal berhenti dan menamatkan pengamalan bidang amalan yang berkenaan, jika —

- (a) pengamal masih mengamal walaupun pendaftarannya telah dibatalkan;
- (b) pengamal mengamalkan suatu bidang amalan yang ditetapkan yang tidak didaftarkan olehnya;
- (c) pengamal berdaftar mengamal tanpa perakuan pengamalan atau apabila pendaftarannya digantung;
- (d) pengamal berdaftar menggunakan amalan yang tidak selamat yang menjejaskan keselamatan pesakit;
- (e) pengamal berdaftar telah melanggar seksyen 30 atau 31;
- (f) pengamal berdaftar telah gagal mematuhi apa-apa penetapan, arahan atau perintah yang dikeluarkan oleh Majlis, Menteri atau Ketua Pengarah;
- (g) pengamal berdaftar telah melanggar undang-undang bertulis yang lain dan pelanggaran itu telah menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan keselamatan orang ramai.

(2) Perintah yang boleh dikeluarkan oleh pegawai diberi kuasa itu hendaklah untuk suatu tempoh tidak melebihi empat belas hari.

(3) Sebelum penamatan perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), pegawai yang diberi kuasa boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk pelanjutan perintah itu.

(4) Ketua Pengarah boleh, sebelum tarikh luput perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), mengeluarkan suatu perintah meminta orang yang tertakluk kepada suatu perintah di bawah subseksyen (1), berhenti dan menamatkan pengamalan bidang amalan yang berkenaan dan tambahan kepadanya, boleh memerintahkan bahawa segala perkakas, kelengkapan, benda, perabot, pakaian, buku, rekod, bahan, ubat-ubatan atau apa-apa barangan lain yang digunakan dalam amalan perubatan tradisional dan komplementari dirampas.

(5) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki mana-mana premis, bangunan atau kemudahan untuk melaksanakan dan menguatkuasakan perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (4).

(6) Jika perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (4) memperuntukkan perampasan barang, maka pegawai diberi kuasa boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki, mencari, merampas dan mengalihkan apa-apa perkakas, kelengkapan, benda, perabot, pakaian, buku, rekod, bahan, ubat-ubatan atau apa-apa barangan lain yang digunakan dalam amalan perubatan tradisional dan komplementari.

(7) Suatu inventori segala barangan yang dirampas dan dialihkan hendaklah diberikan kepada orang yang menjaga premis, bangunan atau kemudahan.

(8) Segala perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (4) hendaklah direkodkan dalam suatu daftar.

(9) Seseorang yang terus mengamal apabila perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (4) masih berkuat kuasa adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan—

- (a) berkenaan dengan kesalahan pertama, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) berkenaan dengan kesalahan seterusnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(10) Mahkamah boleh, sebagai tambahan, memerintahkan Majlis memasukkan butir-butir pengamal ke dalam daftar pengamal yang disenarai hitam, dan individu itu hendaklah tidak dibenarkan mengamal suatu bidang amalan diiktiraf atau menjadi pengarah atau pegawai suatu syarikat yang terlibat dalam membekalkan perubatan tradisional dan komplementari atau menjadi seorang rakan kongsi dalam suatu perkongsian pengamal, sehingga penamatan suatu tempoh selama dua tahun daripada tarikh dia disabitkan.

(11) Ketua Pengarah boleh membatalkan perintah berhenti di bawah subseksyen (1) dan (4).

(12) Pembatalan perintah di bawah subseksyen (1) dan (4) hendaklah berkuat kuasa daripada tarikh pembatalan itu dan hendaklah disiarkan di dalam suatu daftar.

Perintah penutupan

52. (1) Ketua Pengarah boleh, atas perkara melibatkan kesihatan dan keselamatan awam, atau penggunaan berterusan amalan tidak selamat dan tidak bersih, mengeluarkan suatu perintah untuk menutup mana-mana premis, bangunan atau kemudahan yang digunakan untuk membekalkan perkhidmatan atau barangan perubatan tradisional dan komplementari untuk tempoh dan terma-terma yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam perintah tersebut.

(2) Kesan suatu perintah penutupan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah bahawa premis, bangunan atau kemudahan tidak boleh digunakan dalam pengamalan bidang amalan yang berkenaan, tetapi perintah penutupan itu hendaklah tidak menjejaskan apa-apa kegiatan lain di premis, bangunan atau kemudahan yang bukan kegiatan bidang amalan yang berkenaan.

(3) Segala perintah penutupan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah mestilah mengandungi alasan dan sebab untuk perintah itu.

(4) Atas pengeluaran perintah di bawah subseksyen (1), pegawai diberi kuasa boleh memasuki premis, bangunan atau kemudahan untuk memberitahu penghuni tentang perintah itu dan dia hendaklah selepas itu, terus menutup premis, bangunan atau kemudahan dan hendaklah menggunakan suatu tanda, meterai, isyarat, rintangan, kunci atau alat untuk menandakan penutupannya, atau apa-apa barangan yang akan menandakan penutupannya.

(5) Mana-mana individu yang cuba merosakkan, mengubah, menanggalkan, memecahkan atau mengubah apa-apa tanda, meterai, isyarat, rintangan, kunci, alat atau apa-apa barang yang akan menandakan bahawa premis, bangunan atau kemudahan adalah tertakluk kepada suatu perintah penutupan, atau dalam mana-mana cara lain melanggar perintah penutupan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) berkenaan dengan kesalahan pertama, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) berkenaan dengan kesalahan seterusnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(6) Sebaik tamat tempoh yang dinyatakan dalam perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh melanjutkan tempoh penutupan jika terdapat alasan yang memadai untuk membuat demikian.

(7) Ketua Pengarah boleh membatalkan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan membenarkan premis, bangunan atau kemudahan untuk digunakan bagi penyediaan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari.

(8) Pengamal berdaftar yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh merayu kepada Menteri mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Memeriksa dan merampas dengan waran

53. (1) Jika Majistret mendapati, atas keterangan bertulis secara bersumpah dari seorang pegawai diberi kuasa dan selepas siasatan yang sebagaimana Majistret itu fikirkan perlu, bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis yang telah digunakan untuk atau akan digunakan untuk; atau

- (b) dalam mana-mana premis ada bukti yang memerlukan penyiasatan dijalankan ke atasnya,

perlakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Majistret hendaklah mengeluarkan suatu waran memberi kuasa kepada pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau pada waktu malam dan dengan atau tanpa bantuan, memasuki ke dalam premis dan jika perlu dengan paksa.

(2) Tanpa menjejaskan keseluruhan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa kepada pegawai diberi kuasa untuk—

- (a) mengambil sampel apa-apa barang ubat tradisional dan komplementari;
- (b) meminta dan mengambil sampel darah susulan daripada suatu laporan yang dibuat di bawah seksyen 31;
- (c) mengambil gambar atau merekod secara digital apa-apa kedudukan, keadaan atau taraf premis, bangunan atau kemudahan atau mana-mana bahagian daripadanya;
- (d) meminta mengemukakan apa-apa dokumen, rekod, manual, buku, bahan atau artikel lain yang disenggara oleh pengamal berdaftar dan boleh membuat salinan daripadanya atau cabutannya; atau
- (e) merampas apa-apa dokumen, rekod, manual, buku, bahan atau artikel lain yang diminta.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini hendaklah membawa bersamanya mana-mana individu dan peralatan yang dia berpendapat adalah perlu.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu pemeriksaan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat kesalahan, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau atas premis.

(5) Apabila adalah perlu untuk menyebabkan seorang wanita diperiksa, pemeriksaan hendaklah dibuat oleh wanita lain dengan ketertiban sepenuhnya.

(6) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika didapati perlu untuk membuat—

- (a) memecah buka apa-apa pintu luar atau dalam premis atau apa-apa pagar, litupan, pintu pagar atau halangan lain, untuk membolehkan kemasukan ke dalam premis;
- (b) mengalihkan dengan paksa apa-apa halangan untuk masuk, memeriksa, merampas dan mengalih sebagaimana dia diberi kuasa untuk berbuat demikian di bawah seksyen ini; dan
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis sehingga pemeriksaan selesai.

(7) Jika, atas sebab sifat, saiz atau jumlahnya, tidak boleh dilaksanakan pengalihan apa-apa bekas, bungkusan, kenderaan, buku, dokumen atau benda lain yang dirampas di bawah seksyen ini, pegawai diberi kuasa hendaklah menutup kenderaan, kontena atau premis yang di dalamnya bekas, bungkusan, buku, dokumen atau benda lain yang berkenaan dijumpai.

(8) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecah, mengubah atau merosakkan penutup yang dirujuk dalam subseksyen (5) atau mengalih apa-apa bekas, bungkusan, kenderaan, buku, dokumen atau benda lain yang dirampas bawah penutup atau cuba untuk berbuat sedemikian, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk memasuki premis

54. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh pada bila-bila masa memasuki ke dalam premis bagi tujuan—

- (a) memeriksa apa-apa sampel kepada apa-apa barangan ubat tradisional dan komplementari, bekas, bungkusan, kenderaan, buku, dokumen atau barang lain yang difikirkan perlu;

- (b) mengesahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada pegawai diberi kuasa; atau
- (c) mengambil sampel apa-apa barangan ubat tradisional dan komplementari atau bahan lain yang dijumpai di dalam premis bagi tujuan mengenalpasti, dengan ujian atau sebaliknya, sama ada satu kesalahan telah dilakukan.

Kuasa untuk mengambil sampel

55. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh meminta, memilih, mengambil atau mengumpul sampel apa-apa barangan ubat tradisional dan komplementari atau bahan lain untuk tujuan kepastian tanpa bayaran daripada mana-mana orang yang mengimport, mengilang, mengedar, menjual atau telah memiliki barangan tersebut, atau agen atau pekerjanya yang darinya barangan lain diperolehi.

(2) Tatacara untuk mengambil dan menguruskan sampel hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

Capaian kepada data berkomputer

56. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu pemeriksaan di bawah Akta ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau sebaliknya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “capaian” termasuk memberikan kata laluan, kod enkripsi, kod deskripsi, perisian atau perkakasan atau kaedah lain yang diperlukan untuk membolehkan pemahaman data berkomputer.

Pemulaan pendakwaan

57. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini tanpa keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.

Senarai dokumen, rekod, dsb., yang dirampas

58. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa dokumen, rekod, manual, buku, bahan atau artikel lain yang dirampas menurut Akta ini, pegawai diberi kuasa yang membuat rampasan—

(a) hendaklah menyediakan dan menandatangani—

(i) suatu senarai dokumen, rekod, manual, buku, bahan atau artikel lain yang dirampas itu; dan

(ii) suatu notis rampasan bertulis yang mengandungi alasan untuk rampasan itu; dan

(b) hendaklah dengan seberapa segera yang praktik menyampaikan salinan senarai dokumen, rekod, manual, buku, bahan atau artikel lain yang dirampas dan notis rampasan bertulis di bawah perenggan (a) kepada penghuni premis yang diperiksa atau kepada agen atau pekerja premis itu.

(2) Notis rampasan bertulis tidak perlu disampaikan menurut perenggan (1)(b) jika rampasan dibuat dengan kehadiran orang yang ke atasnya prosiding di bawah Akta ini hendak diambil, atau dengan kehadiran pemilik harta itu atau agennya.

Pelepasan dokumen, rekod, dsb., yang dirampas

59. (1) Jika apa-apa dokumen, rekod, manual, buku, bahan atau artikel lain yang dirampas di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang melakukan rampasan hendaklah, selepas merujuk kepada Pendakwa Raya, melepaskan dokumen, rekod, manual, buku, bahan atau artikel lain yang dirampas kepada orang yang dia ditetapkan sebagai sah dimiliki, dan sebaliknya tidak diperlukan bagi tujuan apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau untuk tujuan apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, dan dalam keadaan di mana pegawai diberi kuasa yang melakukan rampasan dan juga Kerajaan Persekutuan, hendaklah bertanggungjawab kepada apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika rampasan dan pengeluaran dokumen, rekod, manual, buku, bahan atau artikel lain telah dilakukan dengan suci hati.

(2) Suatu rekod bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai diberi kuasa yang melakukan pelepasan dokumen, rekod, manual, buku, bahan atau artikel lain di bawah subseksyen (1), menyatakan dengan lengkap keadaan dan alasan untuk pelepasan, dan dia hendaklah menghantar satu salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya dalam masa tujuh hari selepas pelepasan.

BAHAGIAN X

AM

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

60. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk pelaksanaan selanjutnya, yang lebih baik dan mudah peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan—

- (a) untuk menetapkan bentuk penelitian dan pengawasan yang hendak dijalankan berkenaan dengan pengamalan bidang amalan diiktiraf;
- (b) untuk menetapkan bentuk dan cara bagaimana permohonan untuk pendaftaran dan untuk perakuan pengamalan tahunan hendaklah dibuat;
- (c) untuk menetapkan jumlah yuran dan caj yang kena dibayar oleh pengamal berkenaan dengan apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Akta ini;
- (d) untuk menetapkan cara bagi mempamerkan sijil perakuan pengamal;
- (e) untuk menetapkan maklumat yang harus disiarkan dalam daftar;
- (f) untuk menetapkan jumlah yang kena dibayar kepada anggota Majlis, Setiausaha dan anggota jawatankuasa yang dibentuk oleh Majlis sebagai bayaran sagu hati;
- (g) untuk menetapkan proses, tatacara, syarat-syarat kelayakan, dokumentasi dan syarat-syarat yang berkaitan dengan permohonan bagi kebenaran untuk menggunakan apa-apa peranti perubatan dan untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain sebagaimana yang semunasabahnya perlu bagi penggunaan mana-mana peranti perubatan;

- (h) berhubung dengan seksyen 31, untuk menetapkan cara melaporkan apa-apa kejadian kepada apa-apa wabak atau penularan penyakit setempat lain, penyakit berjangkit, atau penyakit lain, masalah kesihatan awam atau apa-apa kesan berbahaya kepada pesakit dari barangan atau perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari;
- (i) untuk menetapkan bentuk dan sifat apa-apa akujanji yang diadakan di bawah Akta ini, cara menguatkuasakan akujanji terhadap pengamal dan penalti bagi kemungkiran akujanji itu;
- (j) untuk menetapkan cara dan terma yang dikenakan untuk membatalkan mana-mana perintah yang dikeluarkan di bawah Akta ini dan syarat-syarat yang dikenakan akibat pembatalan itu;
- (k) untuk menetapkan penerimaan aduan atau maklumat mengenai apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis dan penubuhan Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penyiasatan untuk membuat penyiasatan ke atas aduan atau maklumat mengenai apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis dan untuk menentukan sama ada atau tidak suatu siasatan patut diadakan oleh Majlis;
- (l) untuk menetapkan tatacara rayuan kepada Menteri; dan
- (m) untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain sebagaimana yang dimaksudkan oleh, atau perlu bagi memberikan kuat kuasa penuh kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.

Penalti untuk perundangan subsidiari

61. Apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini boleh memperuntukkan bagi apa-apa tindakan atau pengabaian dalam pelanggaran apa-apa peruntukan dalam perundangan subsidiari hendaklah menjadi suatu kesalahan dan akan memperuntukkan penalti didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau bagi tempoh dipenjarakan tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh badan korporat

62. (1) Jika suatu badan korporat melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa perundangan subsidiarinya, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau lain-lain pegawai badan korporat yang serupa atau bermaksud untuk bertindak dalam apa-apa kapasiti yang berkenaan atau dalam apa-apa cara atau kepada apa-apa had tanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal-ehwal badan korporat atau telah membantu dalam pengurusan—

- (a) boleh dituduh dan dibicarakan secara berasingan atau bersama dalam prosiding yang sama dengan badan korporat itu; dan
- (b) jika badan korporat didapati bersalah, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu kecuali, dengan mengambilkira sifat fungsinya dalam kapasiti itu dan segala keadaan, ia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah melakukan ketelitian sepenuhnya bagi mencegah berlakunya kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang yang bertanggungjawab di bawah Akta ini atau apa-apa perundangan subsidiarinya kepada apa-apa hukuman atau penalti untuk apa-apa tindakan, pengabaian, kecuaihan atau keingkaran, dia hendaklah bertanggungjawab kepada hukuman atau penalti yang sama untuk setiap tindakan, pengabaian, kecuaihan atau keingkaran mana-mana pengamal yang digajikan olehnya, pekerja atau agen itu, atau pekerja agen itu, jika tindakan, pengabaian, kecuaihan atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh seorang pengamal berdaftar yang digajikan olehnya;
- (b) oleh pekerjanya dalam tempoh pekerjaannya;
- (c) oleh agen yang bertindak mewakili bagi pihaknya; atau
- (d) oleh pekerja agen yang berkenaan dalam tempoh pekerjaannya atau sebaliknya bagi pihak agen itu.

BAHAGIAN XI

PERUNTUKAN PERALIHAN

Peralihan

63. (1) Mana-mana badan pengamal yang sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini menjalankan atau melaksanakan fungsinya sebagai sebuah badan yang mengawal bidang amalan, hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, terhenti menjalankan atau melaksanakan apa-apa fungsi sehingga ia telah ditetapkan sebagai badan pengamal ditetapkan di bawah seksyen 42.

(2) Mana-mana daftar pengamal yang disimpan dan disenggarakan oleh badan pengamal sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan sebagai daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah seksyen 19 dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada daftar pengamal.

(3) Mana-mana pengamal yang berdaftar dengan badan pengamal yang sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini menjalankan atau melaksanakan fungsinya sebagai sebuah badan yang mengawal bidang amalan hendaklah memohon untuk didaftarkan di bawah Akta ini dan hendaklah dikecualikan daripada seksyen 22.

HURAIAN

Rang Undang-Undang Perubatan Tradisional dan Komplimentari 2012 (“Akta yang dicadangkan) bertujuan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berkaitan dengan penubuhan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplimentari, untuk mengawal selia perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian 1 daripada Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan permulaan.

3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuatkuasa Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 2* memperuntukkan tentang ketidakpakaian Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Perubatan Swasta 1998 kepada amalan perubatan tradisional dan komplementari.

5. *Fasal 3* mengandungi tafsiran beberapa pernyataan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

6. Bahagian II daripada Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan tertentu ke atas Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari.

7. *Fasal 4* memperuntukkan tentang penubuhan Majlis.

8. *Fasal 5* memperuntukkan tentang fungsi dan kuasa Majlis.

9. *Fasal 6* memperuntukkan tentang pelantikan keanggotaan Majlis.

10. *Fasal 7* memperuntukkan tentang pengosongan jawatan anggota Majlis.

11. *Fasal 8* memperuntukkan tentang pelantikan anggota silih ganti yang hendaklah menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis atau sebagai anggota substantif.

12. *Fasal 9* memperuntukkan yang mana Ketua Pengarah hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat dan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun.

13. *Fasal 10* memperuntukkan tentang kuorum pada mesyuarat.

14. *Fasal 11* memperuntukkan tentang pengundian anggota Majlis.

15. *Fasal 12* membolehkan Majlis untuk mengawal selia tatacaranya sendiri.

16. *Fasal 13* memperuntukkan tentang kesahihan tindakan dan prosiding yang diambil di bawah Akta yang dicadangkan.

17. *Fasal 14* memperuntukkan tentang pelantikan penasihat.

18. *Fasal 15* menyediakan peruntukan untuk pembayaran elaun kepada anggota Majlis, penasihat dan mana-mana orang yang dilantik di bawah Akta yang dicadangkan.

19. *Fasal 16* memperuntukkan tentang pelantikan Setiausaha Majlis yang akan membantu Majlis untuk menjalankan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan.

20. *Fasal 17* memperuntukkan tentang kuasa Majlis untuk mewakilkan fungsinya, dengan kelulusan Menteri, kepada mana-mana pengamal yang ditetapkan atau mana-mana orang sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

BAHAGIAN III

21. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang pentadbiran am.
22. *Fasal 18* memperkatakan tentang pelantikan Setiausaha kepada Majlis sebagai Pendaftar.
23. *Fasal 19* memperuntukkan bahawa Pendaftar hendaklah menyenggarakan apa-apa daftar dalam kedua-dua bentuk fizikal dan elektrik seperti yang dikehendaki di bawah Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN IV

24. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang pendaftaran pengamal perubatan tradisional dan komplementari.
25. *Fasal 20* memperkatakan tentang pengiktirafan bidang amalan oleh Majlis.
26. *Fasal 21* menghendaki pengamal untuk mengamal amalan yang diiktiraf sahaja.
27. *Fasal 22* mengadakan peruntukan bagi individu yang berhasrat untuk mengamal perubatan tradisional dan komplementari dalam mana-mana bidang amalan diiktiraf hendaklah memohon kepada Majlis untuk didaftarkan secara sementara sebagai pengamal yang tertentu dan hendaklah mematuhi dengan apa-apa kelayakan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis untuk bidang amalan diiktiraf tersebut.
28. *Fasal 23* memperuntukkan bahawa pengamal yang berdaftar secara sementara yang berhasrat untuk mengamalkan perubatan tradisional dan komplementari dalam mana-mana bidang amalan diiktiraf boleh memohon untuk didaftarkan dengan Majlis selepas selesai tempoh penempatan di bawah seksyen 22.
29. *Fasal 24* memperuntukkan bahawa Majlis boleh mendaftarkan seseorang individu secara sementara sebagai pengamal luar Malaysia, tertakluk kepada syarat dan sekatan seperti yang difikirkan patut dikenakan oleh Majlis.
30. *Fasal 25* memperuntukkan tentang mana-mana individu yang tidak berdaftar dalam bidang amalan yang ditetapkan tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, mengadakan atau mengamalkan dalam bidang amalan yang sedemikian. Perbuatan tersebut merupakan suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan ini.
31. *Fasal 26* memperuntukkan tentang pengamal berdaftar tidak boleh mengamal bidang amalan diiktiraf melainkan memiliki perakuan pengamalan yang sah dan berkuat kuasa.
32. *Fasal 27* memperuntukkan tentang pembatalan pendaftaran pengamal berdaftar.

33. *Fasal 28* memperuntukkan tentang pendaftaran semula dari pembatalan pendaftaran pengamal.

BAHAGIAN V

34. Bahagian V daripada Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang kewajipan dan tanggungjawab pengamal berdaftar.

35. *Fasal 29* mengadakan peruntukan berkaitan dengan penggunaan gelaran dan singkatan pengamal dan akibat kepada pelanggaran peruntukan tersebut.

36. *Fasal 30* menetapkan kewajipan ke atas pengamal berdaftar untuk merujuk pesakit kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam keadaan-keadaan yang tertentu, kecuali jika pesakit atau individu itu bersetuju secara bertulis bahawa dia tidak perlu dirujuk.

37. *Fasal 31* meletakkan kewajipan ke atas pengamal berdaftar untuk melaporkan apa-apa wabak atau penularan penyakit setempat yang lain kepada Pendaftar.

38. *Fasal 32* mengadakan peruntukan bagi penggunaan peranti perubatan oleh pengamal tradisional dan komplemetari dalam amalan mereka.

39. *Fasal 33* bertujuan untuk menghalang sebarang pernyataan palsu pada iklan dan promosi, oleh pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggajikan pengamal berdaftar.

40. *Fasal 34* bertujuan untuk membenarkan pengamal berdaftar memperbadan amalannya menjadi syarikat liabiliti terhad, mengamalkannya sebagai syarikat atau menjadi ahli perkongsian bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari.

41. *Fasal 35* bertujuan untuk menyediakan pematuhan mandatori dalam kod tadbir urus dan kod amalan.

BAHAGIAN VI

42. Bahagian VI daripada Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang prosiding tatatertib untuk pengamal berdaftar di bawah Akta yang dicadangkan.

43. *Fasal 36* memperuntukkan tentang bidang kuasa tatatertib Majlis.

44. *Fasal 37* menetapkan hukuman yang boleh dikenakan oleh Majlis dalam menjalankan bidang kuasa tatatertibnya.

45. *Fasal 38* membenarkan rayuan dibuat terhadap perintah yang dibuat oleh Majlis di bawah seksyen 37.

46. *Fasal 39* membenarkan kemasukan semula nama ke dalam daftar oleh Majlis jika Majlis merasakan sesuai berbuat demikian.

BAHAGIAN VII

47. Bahagian VII daripada Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang hak pesakit.

48. *Fasal 40* menetapkan hak pesakit dan pengenaan kewajipan ke atas pengamal berdaftar atau mana-mana orang yang mengambil kerja atau menggajikan pengamal berdaftar.

49. *Fasal 41* mengadakan peruntukan penyelesaian pertikaian. Fasal ini memperuntukkan bahawa Majlis boleh, dengan sendirinya atau melalui jawatankuasa yang dilantik untuk menyediakan perkhidmatan penyelesaian pertikaian, menyelesaikan mana-mana pertikaian berkaitan dengan seksyen 40.

BAHAGIAN VIII

50. Bahagian VIII daripada Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang badan pengamal perubatan tradisional dan komplementari.

51. *Fasal 42* memperuntukkan tentang pelantikan dan pembatalan pelantikan badan-badan pengamal, di atas syor Majlis, oleh Menteri.

52. *Fasal 43* memperuntukkan tentang fungsi badan pengamal yang ditetapkan.

53. *Fasal 44* mengadakan peruntukan bagi rangka pengawalseliaan sendiri apabila bada pengamal sudah bersedia.

54. *Fasal 45* memperuntukkan tentang pengawasan oleh Majlis. Majlis hendaklah mengawasi badan pengamal yang ditetapkan atas apa-apa perkara yang berkaitan dengan bidang amalan yang diiktiraf.

55. *Fasal 46* memperuntukkan tentang kesan pembatalan pelantikan badan pengamal.

56. *Fasal 47* memperuntukkan tentang penyediaan kod tadbir urus dan kod amalan berdasarkan piawai amalan mandatori yang ditetapkan Majlis.

BAHAGIAN IX

57. Bahagian IX memperuntukkan tentang penguatkuasaan bagi Akta yang dicadangkan.

58. *Fasal 48* memperuntukkan tentang Menteri untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kesihatan perubatan, pegawai kesihatan persekitaran dan mana-mana pihak berkuasa tempatan, mana-mana pegawai awam dan orang berkeelayakan yang sesuai untuk melaksanakan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta yang dicadangkan.

59. *Fasal 49* memperuntukkan tentang setiap pegawai awam yang diberi kuasa akan diberikan kad kuasa yang ditandatangani oleh Pengerusi.
60. *Fasal 50* memperuntukkan tentang kuasa untuk penyiasatan.
61. *Fasal 51* memperuntukkan tentang perintah berhenti. Pegawai diberi kuasa boleh memasuki mana-mana premis, bangunan atau kemudahan untuk melaksanakan dan menguatkuasa perintah berhenti.
62. *Fasal 52* memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan arahan penutupan pada mana-mana premis, bangunan atau kemudahan yang digunakan untuk menyediakan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari, dalam keadaan yang melibatkan kesihatan dan keselamatan orang awam, atau penggunaan berterusan amalan tidak selamat dan tidak bersih.
63. *Fasal 53* membenarkan pegawai diberi kuasa untuk memasuki ke mana-mana premis, bangunan atau kemudahan untuk memeriksa premis dan merampas dokumen atau bahan dengan waran.
64. *Fasal 54* memperuntukkan tentang kuasa kepada pegawai diberi kuasa untuk memasuki ke mana-mana premis, bangunan atau kemudahan.
65. *Fasal 55* memperuntukkan tentang kuasa kepada pegawai diberi kuasa untuk mengambil sampel.
66. *Fasal 56* membenarkan pegawai diberi kuasa untuk data dalam komputer sekiranya diperlukan.
67. *Fasal 57* mengadakan peruntukan bagi memulakan dan menjalankan pendakwaan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.
68. *Fasal 58* memperkatakan tentang senarai dokumen, rekod dan lain-lain, yang dirampas di bawah Akta yang dicadangkan.
69. *Fasal 59* memperkatakan tentang pelepasan apa-apa dokumen yang dirampas di bawah Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN X

70. Bahagian X daripada Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan am. Ia memperkatakan tentang kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan, penalti untuk peraturan-peraturan oleh subsidiari dan kesalahan badan korporat.
71. *Fasal 60* memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan.
72. *Fasal 61* memperuntukkan penalti untuk perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang dicadangkan.
73. *Fasal 62* memperuntukkan tentang kesalahan oleh badan korporat di bawah Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN XI

74. Bahagian XI daripada Akta yang dicadangkan mengandungi *Fasal 63* memperkatakan tentang peruntukan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2758]